



KENYATAAN MEDIA

PENUBUHAN BAHAGIAN SYARIAH DAN PENGHARMONIAN UNDANG-UNDANG, JABATAN PEGUAM NEGARA

Berdasarkan Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara mempunyai kewajipan untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong, Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang. Bagi menangani isu-isu berkaitan dengan agama Islam dan perundangan Syariah yang berbangkit di peringkat Persekutuan dan antarabangsa yang dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara, Jabatan ini telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan suatu Bahagian khusus di Jabatan Peguam Negara, iaitu Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang.

Penubuhan Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang ini adalah penting kerana ia akan menjadi *focal point* bagi isu-isu Syariah yang dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara, antaranya yang berkaitan dengan nasihat undang-undang, penggubalan dan penyelarasan undang-undang Syariah, ratifikasi sesuatu konvensyen antarabangsa yang mempunyai kesan kepada aspek Syariah dan pengharmonian antara undang-undang sivil dengan undang-undang Syariah bagi mengatasi konflik bidang kuasa antara mahkamah sivil dengan mahkamah Syariah.

Adalah menjadi hasrat Jabatan Peguam Negara agar penubuhan Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang Syariah ini dapat memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan Peguam Negara berhubung dengan isu-isu Syariah dilaksanakan dengan lebih efektif dan berkesan seiring dengan keperluan semasa.

JABATAN PEGUAM NEGARA

2 FEBRUARI 2018